



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA LANGKAWI**  
KM 4, JALAN AIR HANGAT,  
MUKIM KUAH,  
07000 LANGKAWI,  
KEDAH DARUL AMAN.



Tel: Pej. Am : 04-9698201/8204/9698200(DL)  
Faks : 04-9664528  
Email: [infomrsm\\_langkawi@mara.gov.my](mailto:infomrsm_langkawi@mara.gov.my)

Bil. Kami : MRSMLGK. 600-2/1/2 ( )  
Tarikh : 22 Februari 2024  
12 Syaaban 1445H

**Semua Ibu Bapa / Penjaga Pelajar**  
**Maktab Rendah Sains MARA Langkawi.**

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**MAKLUMAN TARIKH CUTI SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 2024**

Perkara di atas dengan hormatnya adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) MARA telah memberi kebenaran kepada semua pelajar untuk pulang bermalam sempena Cuti Hari Raya Aidilfitri bermula pada 05 – 15 April 2024. Butiran lanjut adalah seperti berikut :

BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Pelajar Pulang Bermalam	04 April 2024 (Khamis) Bermula Jam 2.00 Petang
2.	Kembali Ke MRSM	15 April 2024 (Isnin) Sebelum Jam 6.00 Petang
3.	Tarikh Persekolahan Bermula	16 April 2024 (Selasa)

3. Sehubungan dengan itu, MRSM Langkawi telah menetapkan beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi oleh pihak ibu bapa / penjaga untuk tujuan tersebut seperti berikut :

- Pihak ibu bapa / penjaga perlu mematuhi tarikh dan masa yang ditetapkan sahaja.
- Hanya 2 orang ibu bapa / penjaga sahaja dibenarkan untuk mengambil dan menghantar pelajar di maktab secara *pick up / drop off* dan segera meninggalkan kawasan maktab serta tidak dibenarkan masuk ke kawasan asrama.
- Semasa hadir mengambil dan menghantar semula pelajar, pihak ibu bapa / penjaga sangat digalakkan memakai pelitup muka.
- Semasa keluar dan masuk maktab, pelajar perlu berpakaian *outing* rasmi maktab.

4. Sebarang pertanyaan lanjut tuan / puan boleh menghubungi En.Mohd Syuhairi bin Md Isa (Tim. Pengetua Pembangunan Pelajar) di talian 017-5812269 atau En. Amar bin Ahmad (Ketua Guru Asrama) di talian 013-4498734.

Segala kerjasama dan sokongan tuan / puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" MALAYSIA MADANI "  
" BERKHIMAT UNTUK NEGARA "  
" LUAR BANDAR SEJAHTERA "

Saya yang menjalankan amanah,

  
HJ. FAZLI BIN ABU BAKAR  
Pengetua

Maktab Rendah Sains MARA Langkawi,  
Kedah Darul Aman.

..RH\*\*